

Headline	Banyak faktor punca kepupusan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	19	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	842 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,925



Banyak faktor punca kepupusan



HARIMAU kumbang juga dalam kategori terancam.

MASALAH kepupusan spesies kita turut mendapat perhatian serius Felo Penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latiff Mohamad.

Beliau berkata, kehilangan spesies yang berlaku dalam hutan di negara kita menunjukkan populasi sebilangan spesiesnya sangat berkurangan sehingga ahli sains sudah mengandaikan ia telah sampai kepada tahap hampir kepada kepupusan.



Pelbagai cerita dan andaian mengenai kehilangan spesies tumbuhan dan haiwan telah dibuat.

Misalnya spesies badak Sumatera yang telah pun disyitarkan sebagai pupus di Semenanjung Malaysia.

Badak Sumatera katanya, tidak memerlukan kawasan luas tetapi individu jantan dan betinanya sering bersendirian sama seperti tapir.

Jika ia bersendirian kemungkinan ia mengawan amatlah tipis.

"Berbeza dengan harimau dan gajah yang memerlukan kawasan yang luas tetapi spesies berkenaan tidak hidup dan berkeliraran bersendirian.

"Fenomena hidup bersendirian membuatkan ia sukar mengawan dan populasi sukar bertambah," ujarnya.

Apabila berlaku proses mengawan, besar kemungkinan gamet jantan dan betina dapat bersenyawa atau jika



DR. ABDUL LATIFF MOHAMAD (kanan) bersama kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berbincang sesuatu mengenai herbarium koleksi agensi berkenaan.

tidak berlaku pengawanan ada kemungkinan pula sama ada sperma atau ovum rosak.

Dalam perkataan lain antara punca kepupusan bagi spesies badak Sumatera ialah kemungkinan spesies tersebut memusnahkan diri sendiri.

Apakah yang menyebabkan fenomena tidak boleh mengawan menimbulkan penyakit kepada individu badak Sumatera?

Justeru pembiakbakaan memainkan peranan penting tetapi jika pengawanan tidak berlaku, maka populasi tidak akan meningkat.

Sama seperti kebanyakan spesies pokok yang tidak akan membiak jika tidak

ada pendebungaan dan persenyawaan

"Kita perlu sedar jika tidak berlaku pendebungaan dan persenyawaan, maka induk tidak berfungsi dan tidak ada guna dan bila ia mati tidak ada lagi anak benih sebagai pengganti," ujarnya yang juga pakar bidang botani dan biologi pemuliharaan.

Selain faktor dalaman yang dinyatakan, faktor luaran juga menyumbang kepada kehilangan spesies haiwan dan tumbuhan iaitu perburuan haram yang tidak terkawal bagi haiwan dan mengutip tumbuhan seperti anggerik dan tumbuhan hiasan lain.

"Aktiviti perburuan perlu dihadkan bagi menstabilkan populasi di kawasan liar.

"Meskipun ada yang menganggap aktiviti perburuan

sebagai suatu jenis sukan tetapi apabila perburuan haram tidak dibanteras atau perburuan tidak dikawal jumlah individu dan populasi akan berkurangan seperti harimau, beruang dan tenggiling.

Ketiga-tiga haiwan ini telah diburu kerana didakwa mempunyai khasiat perubatan dan kesihatan," ujar beliau.

Masyarakat Orang Asli pula sentiasa beranggapan bahawa negara kita masih memiliki banyak harimau liar di hutan.

Menurut Dr. Abdul Latiff lagi satu lagi masalah akibat kepupusan tumbuhan adalah kurangnya peranan spesies haiwan yang membantu dalam penyebaran biji benih.

Ini katanya, berlaku terhadap spesies keluang yang semakin berkurangan akibat perburuan

Aktiviti perburuan perlu dihadkan bagi menstabilkan populasi di kawasan liar."

oleh sesetengah orang yang kurang memahami kepentingan keluang kepada penyebaran biji-tumbuhan.

Dalam pada itu, beliau percaya antara masalah utama program pemuliharaan di negara ini adalah kekurangan anggota penguat kuasa, dana dan bantuan daripada masyarakat

"Apa salahnya jika kita ambil satu spesies tumbuhan dan manfaatkan kepakaran penyelidikan yang kita ada dan perbanyak atau gandakan populasinya di makmal dan sebarkan kembali ke dalam hutan," ujarnya.

Seperkara lagi kata beliau, Malaysia tidak sepatutnya bergantung kepada spesies liar semata-mata.

Misalnya penyelidik kita mampu memperbanyak individu tumbuhan seperti pokok palma anggerik dan haiwan seperti tenggiling, pelanduk, beruang serta landak dan bekalkan kepada yang berminat tanpa mengganggu populasi liar di hutan.

Menurut beliau, sudah sampai masanya ahli sains disokong dalam menjalankan penyelidikan serta program pemuliharaan seperti ini.



BUNGA rafflesia atau pakma antara yang wajar terus dipulihara.

"Rakan saya (penyelidik) di Eropah dan Jepun mendapat sokongan daripada kerajaan dan swasta untuk tujuan seperti penyelidikan tetapi di negara saya, sokongan sebegini (seumpama perbezaannya) jauh bumi dari langit untuk wujud (menjadi kenyataan)," ujarnya.

Beliau turut menyarankan bahawa sebarang dasar yang digubal seperti program pemuliharaan dikuatkuasakan dan diambil tindakan secara jelas dan telus.

"Jangan seperti (dasar) buat khemah atau pondok tepi jalan, bila sudah lusuah kita buat khemah dan pondok lain," ujarnya lagi.

(Bersambung Isnin minggu depan: Penyelidikan bantu usaha pemuliharaan)